

UCAPAN ALUAN

YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH

MOHD JANOR

NAIB CANSOLOR UiTM

Bersempena

KARNIVAL INOVASI UCS 2023

‘INOVASI MEMPERKASAKAN EKONOMI’

14 JANUARI 2023 | SABTU

DEWAN BERLIAN,

UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK

ALAM

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga UiTM**

[SALUTASI]- Kemaskini Berdasarkan Kehadiran

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama pada dalam majlis penuh gilang-gemilang sempena Karnival Inovasi UiTM Cawangan Selangor 2023.

2. Terima kasih dan syabas diucapkan kepada Rektor UiTM Cawangan Selangor (UCS), Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah dan seluruh jawatankuasa yang berjaya mengaturkan dan menyempurnakan majlis pada pagi ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta Karnival Inovasi UCS 2023 yang telah berusaha menghasilkan pelbagai bentuk persembahan, pameran, bengkel serta berbagai program lagi bagi meraikan kesemua pemenang anugerah Inovasi UCS pada tahun ini. Kejayaan ini pastinya mencerminkan komitmen warga UCS dalam usaha menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Para hadirin sekalian,

4. Bertemakan ***'Inovasi Memperkasakan Ekonomi'*** yang selaras dengan hasrat kementerian pengajian tinggi, yang mana para graduan harus matang, berpendidikan tinggi dan seterusnya dapat melaksanakan tanggungjawab mengubah taraf hidup masyarakat ke arah yang lebih baik dari segi ekonomi serta sosial.

5. Justeru itu, warga UiTM terutamanya para pendidik dan pelajar perlulah mempunyai minda untuk ingin meneroka ilmu baharu bagi menghasilkan kaedah atau produk baru yang berkualiti tinggi agar dapat membantu pertumbuhan ekonomi masyarakat keseluruhannya.

6. Jika dilihat dari sudut teori ekonomi mikro, inovasi dalam sesuatu kaedah atau produk dapat menghasilkan kecekapan proses pengeluaran yang membawa kepada keuntungan maksima. Sebagai contoh, melalui program khidmat masyarakat anjuran UCS bersama fakulti-fakulti di bawahnya seperti Program Hujung Rintis Siri 1 dan Siri 2 serta Karnival Jom Kome merupakan penyelesaian yang terbaik kepada isu atau masalah yang dihadapi oleh masyarakat atau komuniti setempat.

7. Program-program seperti ini telah membawa banyak kemajuan kepada masyarakat luar bandar dalam bidang ekonomi. Saya difahamkan, semasa program ini dijalankan, fakulti-fakulti yang terlibat telah menyumbang

pelbagai idea untuk menarik minat masyarakat luar bandar dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka.

8. Antaranya, Fakulti Pendidikan telah menyumbang kepakaran bagi menarik minat pelajar sekolah rendah di Kampung Hujung Rintis agar seronok untuk mempelajari bahasa Inggeris. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan pula, berkongsi ilmu kepada masyarakat Kampung Hujung Rintis untuk membuat “Business model” daripada sumber-sumber yang sedia ada di kampung tersebut. Begitu juga dengan Fakulti Perhotelan, berkongsi ilmu dan memberi tunjuk ajar berkaitan resepi-resepi baharu dengan sumber-sumber sedia ada agar dapat dikomersilkan.

9. Seterusnya, Fakulti Perakaunan membuka minda masyarakat dengan mendedahkan kepentingan pengurusan kewangan kepada peniaga kecil-kecilan. Melalui program-program ini, terhasillah satu rangkaian ekonomi yang cekap untuk membangunkan ekonomi

masyarakat keseluruhannya, terutamanya masyarakat luar bandar. Semoga usaha murni ini dapat merealisasikan Pelan Strategi UiTM 2025 untuk ke arah mencapai Universiti Terkemuka dunia menjelang tahun 2025 .

Hadirin sekalian,

10. Inovasi dalam pendidikan merupakan elemen penting dalam sektor pendidikan negara agar kita tidak ketinggalan dalam dunia yang semakin mencabar. Inovasi ini perlu dimanfaatkan seiring dengan perubahan teknologi yang sentiasa berubah dengan pantas dan ekonomi digital pada hari ini. Melalui revolusi digital, segala transaksi produk dan perkhidmatan telah diaplikasikan menggunakan teknologi robotik, kemahiran berkomputer serta telefon mudah alih.

11. Sebagai sebuah institusi yang kompetitif, warga UiTM perlulah berperanan dalam menghasilkan produk dan

kaedah yang berinovasi tinggi bagi membantu masyarakat memperoleh ilmu dan mengaplikasi ekonomi digital dengan lebih cekap dan yakin.

12. Warga UiTM harus berperanan sebagai *Game Changer* yang mampu mencetus dan memimpin perubahan yang sudah pasti akan memberikan kesan kepada masyarakat setempat dan negara.

13. Pihak Universiti sentiasa memberikan sokongan bagi tujuan ini termasuk sokongan kewangan. Sebanyak 156 projek penyelidikan telah dibiayai melalui geran dalaman Universiti melUbatkan RM 6juta semenjak tahun 2021 hingga kini.

Hadirin yang saya hormati,

14. Saya amat menggalakkan budaya inovasi ini diteruskan agar kita dapat memberikan perkhidmatan serta produk terbaik yang dapat memberikan kepuasan

dan nilai tambah kepada taraf sosial masyarakat setempat khususnya.

15. Penghasilan sistem yang lebih cekap dan tangkas seperti FBMS, dan STIS oleh Fakulti Pengurusan dan Perniagaan contohnya, telah memberikan banyak manfaat kepada kepada para pensyarah, pelajar serta staf mereka dalam menjalankan pelbagai aktiviti sama ada di dalam atau di luar fakulti.

16. Saya sangat berharap agar program-program yang dapat menyemai budaya inovasi seperti ini dapat dijalankan dan diteruskan terutamanya inovasi dalam pendidikan dan penyelidikan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Universiti pastinya akan memberikan pengiktirafan kepada warga UiTM terutamanya para penyelidik dan staf yang berperanan sebagai peneraju perubahan ekonomi negara.

17. Semoga program Karnival Inovasi UCS dapat diteruskan pada tahun-tahun seterusnya demi meningkatkan pencapaian dalam menjalankan tanggungjawab untuk memajukan bangsa dan meningkatkan kemakmuran negara.

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan sekali lagi ucapan tahniah kepada semua peserta inovasi dan kualiti yang telah berjaya dan semua yang telah menjayakan karnival ini.

Sekian.

**Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**